

PM tunggu laporan dari Kerajaan Sabah

KUALA LUMPUR 29
Okt. — Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad berka-
ta beliau sedang menung-
gu laporan rasmi tentang
kegagalan Kerajaan Nege-
ri Sabah meminda perlem-
bagaan negeri dalam si-
dang khas Dewan Unda-
ngannya semalam kerana
seorang ahlinya 'hilang'.

Serentak dengan itu,
Perdana Menteri menjelas-
kan beliau juga belum di-
beritahu tentang kemung-
kinan Dewan Undangan
Negeri Sabah dibubarkan
dalam beberapa minggu
ini untuk membolehkan
pilihanraya negeri
adakan.

UM 20 OCT 1985
"Saya perlu menunggu
laporan rasmi. Saya tidak
boleh membuat komen se-
lagi saya belum menerima
butir-butir lengkap tentang
perkara itu," tambahnya
kepada para pemberita se-
lepas merasmikan Bursa
Komoditi Kuala Lumpur
di Kompleks Dayabumi di
sini.

Ketika ditemui di ba-
ngunan Parlimen petang
ini pula Datuk Sri Dr. Ma-
hathir berkata, Presiden
Berjaya, Datuk Mohamed
Noor Mansor masih belum
menemuinya untuk mem-
bincangkan tentang per-
kembangan terbaru politik
di Sabah.

"Saya tidak tahu sama
ada Datuk Mohamed
Noor ada membuat temu-
janji (appointment) untuk
menemui saya. Di saat ini,
beliau tidak datang ber-
jumpa saya," kata Per-
dana Menteri.

Beliau kelihatan terke-
jut apabila diminta meng-
ulas laporan kononnya
Datuk Haji Mohamed
Noor dan Timbalan Presi-
den Berjaya, Datuk Cla-
rence Mansul kini berada
di sini untuk membincang-
kan tentang kemungkinan
Dewan Undangan Negeri
Sabah dibubarkan.